


SYARAT PERMOHONAN

**PROGRAM HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP),
CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA (CBBP TB)
DAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN
SEPARUH MASA/ SAMBILAN (HLPS)**

**BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)
AMBILAN TAHUN 2024**



**BAHAGIAN TAJAAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

DISEMBER 2023

PENGENALAN

1. LATAR BELAKANG PROGRAM PENAJAAN/ CUTI BELAJAR KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

- 1.1 Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM ditawarkan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) untuk mengikuti pengajian pascasiswa (ijazah sarjana dan kedoktoran) sama ada di institusi pengajian tinggi terpilih di dalam atau luar negara mengikut bidang dan pengkhususan yang telah ditetapkan.
- 1.2 Program ini merupakan salah satu bentuk penganugerahan dan pengiktirafan kepada PPP yang menunjukkan prestasi cemerlang dan berpotensi untuk menyumbang idea baharu dalam bidang yang diperlukan oleh KPM.
- 1.3 Program ini bertujuan untuk membangunkan kompetensi warga pendidik bagi memenuhi keperluan strategik pendidikan negara demi memartabatkan profesion keguruan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.
- 1.4 PPP yang diperakukan untuk mengikuti Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM ini hendaklah mempunyai minat, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang sesuai dengan bidang yang dimohon serta menunjukkan sahsiah yang baik bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya memberikan manfaat ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi.
- 1.5 Setiap tahun, perancangan dan kelulusan Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM diselaraskan oleh Bahagian Profesionalisme Guru (BPG) serta Bahagian Tajaan Pendidikan (BTP) bertepatan dengan Perancangan Strategik Penajaan dalam Pembangunan Profesionalisme PPP (Strategic Canvas).

2. PROGRAM PENAJAAN/ CUTI BELAJAR KPM

- 2.1 Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM yang ditawarkan pada tahun 2024 adalah seperti berikut:
- i. Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)/ Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBP DB);
 - ii. HLP bagi Program Ijazah Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) [SPADA];
 - iii. Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBP TB); dan
 - iv. Hadiah Latihan Persekutuan Separuh Masa/ Sambilan (HLPS).
- 2.2 PPP yang berjaya ditawarkan HLP/ CBBP DB akan diberikan Cuti Belajar Bergaji Penuh sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perintah Am Bab ‘C’ Perkara 36 berdasarkan bidang-bidang kritikal yang telah dikenalpasti oleh pihak KPM. Sepanjang tempoh cuti belajar ini, PPP mengisi Jawatan Latihan BTP, KPM dan Setiausaha Bahagian, BTP merupakan Ketua Jabatan baharu yang berperanan untuk menguruskan hal-hal perkhidmatan PPP sepanjang tempoh tersebut. Tempoh cuti belajar ini layak diambil kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan. PPP juga layak untuk menerima elaun biasiswa serta penajaan yuran pengajian. Selain itu, PPP boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat secara Time-Based Berdasarkan Kecemerlangan (TBBK) dalam tempoh mengikuti kursus tersebut sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- 2.3 Manakala, PPP yang berjaya ditawarkan CBBP TB akan turut mengisi Jawatan Latihan BTP, KPM. Tempoh cuti belajar ini juga layak diambil kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan. Walau bagaimanapun, PPP hanya diberikan cuti belajar sepanjang tempoh pengajian diluluskan, namun perlu membayai sendiri yuran pengajian yang ditetapkan oleh pihak universiti.
- 2.4 PPP yang berjaya ditawarkan HLP/ CBBP DB atau CBBP TB akan mengikuti pengajian secara sepenuh masa di universiti awam (UA) di dalam negara atau universiti di luar negara. PPP yang ingin memohon universiti di luar negara perlu merujuk kepada senarai seperti yang berikut:
- i. Senarai Type A dan Type B dalam Top Global Universities (The Top Global University Project) bagi pengajian di Jepun;
 - ii. Senarai kedudukan 100 teratas secara keseluruhan atau 10 teratas mengikut bidang dalam The Times Higher Education (THE) World University Rankings; atau
 - iii. Senarai kedudukan 100 teratas secara keseluruhan atau 10 teratas mengikut bidang dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings.

- 2.5 HLPS pula adalah program penajaan yang ditawarkan kepada PPP yang berhasrat atau sedang melanjutkan pengajian secara separuh masa atau sambilan di UA di dalam negara sahaja. PPP yang menerima tawaran HLPS berkelayakan untuk menerima penajaan yuran pengajian, Elaun Buku dan Elaun Tesis.
- 2.6 Ringkasan perbezaan antara HLP/ CBBP DB, CBBP TB dan HLPS adalah seperti yang berikut:

Pengajian	Cuti Belajar	Gaji	Yuran/Biasiswa
HLP/ CBBP DB	√	√	√
CBBP TB	√	√	X
HLPS	X	√	√

- 2.7 Keterangan berhubung proses permohonan HLP/ CBBP DB, CBBP TB dan HLPS adalah seperti di **Jadual 1**.

**JADUAL 1 : PROSES PERMOHONAN HLP/ CBBP DB, CBBP TB DAN HLPS
BAGI PPP**

PERKARA	TANGGUNGJAWAB
PPP	PPP yang berkhidmat; <ul style="list-style-type: none"> (i) di sekolah perlu memastikan maklumat di dalam Sistem eOperasi telah dikemas kini sebelum mengemukakan permohonan; dan (ii) selain di sekolah perlu melengkapkan maklumat permohonan terus ke dalam Sistem ePenawaran.
	PPP mengemukakan permohonan secara dalam talian melalui Sistem ePenawaran.
	Semua permohonan yang lengkap akan dihantar kepada Pegawai Penyokong.
	Menjadi tanggungjawab pemohon untuk memaklumkan maklumat permohonan kepada Pegawai Penyokong .
Pegawai Penyokong pegawai atasan/ penyelia kepada pemohon dan mempunyai hubungan kerja secara langsung atau mengawasi kerjanya atau pegawai yang telah ditetapkan oleh Ketua Jabatan yang membuat seliaan berkenaan urusan sumber manusia	Pegawai Penyokong memasukkan ID pengguna dan kata laluan yang akan diterima daripada BTP melalui alamat e-mel rasmi.
	Pegawai Penyokong perlu membuat penilaian terhadap setiap permohonan yang diterima dan mencatat ulasan pada ruangan yang disediakan. Maklumat yang diisi oleh calon juga perlu dipastikan tepat, benar dan sahih.
	Kesemua permohonan yang telah disokong, tidak disokong atau tiada tindakan seterusnya perlu dihantar secara dalam talian kepada Pegawai Peraku.
Pegawai Peraku Ketua Jabatan di bahagian/jabatan/institusi tempat pemohon berkhidmat yang menguruskan hal-hal perkhidmatan pemohon	Bahagian/ Jabatan/ Institusi adalah dicadangkan untuk menubuhkan satu jawatankuasa latihan yang dipengerusikan oleh Pegawai Peraku/ Ketua Jabatan bagi mempertimbangkan dan memperaku permohonan calon. Pegawai Peraku juga boleh mempertimbangkan dan memperaku pegawai yang berstatus TIADA TINDAKAN dari Pegawai Penyokong.
	Pegawai Peraku perlu memasukkan ID pengguna dan kata laluan yang akan diterima daripada BTP melalui alamat e-mel rasmi.
	Jawatankuasa perlu membuat penilaian terhadap setiap permohonan yang diterima dan mencatatkan ulasan pada ruangan yang disediakan.
	Kesemua permohonan yang telah diperaku dan tidak diperaku perlu dihantar kepada BTP secara dalam talian.

Catatan: Sebarang perubahan/ pemakluman terkini berkenaan permohonan dalam talian akan dimaklumkan melalui portal rasmi KPM atau media sosial KPM.

- 2.8 PPP yang berminat hendaklah memohon secara dalam talian sepenuhnya di pautan seperti yang berikut: <https://epenawaran.moe.gov.my>.
- 2.9 Permohonan dibuka mulai **21 Disember 2023 (Khamis), pukul 3:00 petang hingga 18 Januari 2024 (Khamis), pukul 5:00 petang.** Pemohon adalah dimohon untuk merujuk portal rasmi KPM atau media sosial KPM bagi sebarang pemakluman terkini.
- 2.10 Permohonan yang **TIDAK MENEPATI SYARAT** yang ditetapkan, mengandungi maklumat yang **TIDAK BENAR ATAU TIDAK LENGKAP** tidak akan dipertimbangkan. Hanya pemohon yang layak dan melepassi tapisan sahaja akan dipanggil untuk urusan temu duga.
- 2.11 KPM berhak membuat pindaan terhadap syarat-syarat permohonan, program yang ditawarkan, senarai bidang kursus dan tempat pengajian yang dibenarkan.
- 2.12 PPP hanya boleh mengemukakan **satu** permohonan sahaja dalam tempoh tawaran permohonan ini dibuka. Sebarang pindaan pada permohonan yang telah dihantar tidak akan dilayan.
- 2.13 PPP diingatkan supaya mematuhi peraturan sedia ada bagi urusan permohonan HLP/ CBBP DB, CBBP TB dan HLPS yang berkuat kuasa seperti yang berikut:
- i. **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993**
Peraturan 4(2)(h): Seseorang pegawai tidak boleh membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan berhubungan dengan perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu adalah tuntutannya sendiri atau tuntutan anggota-anggota perkhidmatan awam yang lain.
 - ii. **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004**
Perkara 13: Pegawai adalah dilarang menggunakan apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar bagi menyokong permohonan mereka untuk bertukar atau sebaliknya.
 - iii. **Surat Aku Janji Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Perkara (II)**: Tidak akan membawa atau cuba membawa sebarang bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan sendiri atau pegawai lain berhubung dengan perkhidmatan awam.
 - iv. **Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri bertarikh 8 Mac 2010.

3. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai proses penawaran bagi kemudahan Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM ini, tuan/ puan boleh menghubungi pegawai berikut:

Pertanyaan umum berkaitan program:

Cawangan Penawaran
Bahagian Tajaan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1, Blok 2251
Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya Selangor

(u.p.: Puan Jamilah binti Yahya / Encik Asri bin Asmuni / Encik Muhd Sharrul Nizam bin Baharum/ Puan Wan Naqiyyah binti Wan Hassan)

No. Telefon: 03-8321 7144 / 03-8321 7154 / 03-8321 7071

E-mel: penawaran.bb@moe.gov.my

Untuk masalah teknikal borang permohonan, sila hubungi:

E-mel: tm.bbp@moe.gov.my
(mohon dikemukakan bersama-sama e-mel tangkap layar
(screenshot) masalah teknikal borang permohonan yang dihadapi)

4. SYARAT PERMOHONAN PROGRAM PENAJAAN/ CUTI BELAJAR KPM TAHUN 2024

KETERANGAN	PROGRAM PENAJAAN/ CUTI BELAJAR							
	HLP/ CBBP DB			SPADA	CBBP TB		HLPS	
Peringkat Pengajian	Sarjana	Kedoktoran Falsafah (PhD)	Kedoktoran Pendidikan (EdD)	Sarjana	Sarjana	Kedoktoran Falsafah (PhD)	Sarjana	Kedoktoran Falsafah (PhD)
SYARAT UMUM								
a.	Kelayakan Utama Pemohon	<ul style="list-style-type: none"> - Mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya. - Mempunyai kelayakan ijazah sarjana (bagi pemohon PhD/ EdD) yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya. - Berpengalaman selari dengan bidang yang dimohon serta perancangan laluan kerjaya pada masa hadapan. 						
b.	Kewarganegaraan	Warganegara Malaysia						
c.	Kaedah Pengajian	Sepenuh masa					Separuh masa/ Sambilan	
d.	Jenis Pengajian	BELUM memulakan pengajian					TELAH atau BELUM memulakan pengajian	
e.	Baki semester pengajian pada September/ Oktober 2024 (Telah memulakan pengajian)	Tidak berkaitan					Minimum baki semester pengajian: 3	
f.	Bidang Pengkhususan	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap bidang pengkhususan mempunyai syarat yang telah ditetapkan (Rujuk TAB BIDANG pada sistem ePenawaran). 						

KETERANGAN		PROGRAM PENAJAAN/ CUTI BELAJAR							
		HLP/ CBBP DB		SPADA	CBBP TB		HLPS		
Peringkat Pengajian		Sarjana	Kedoktoran Falsafah (PhD)	Kedoktoran Pendidikan (EdD)	Sarjana	Sarjana	Kedoktoran Falsafah (PhD)	Sarjana	Kedoktoran Falsafah (PhD)
SYARAT KHUSUS									
g.	Had umur pada 1 Januari 2024 tidak melebihi	50 tahun	45 tahun	50 tahun	50 tahun	45 tahun	50 tahun	46 tahun	
h.	Tempoh Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> - Berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun (lantikan selewat - lewatnya Januari 2021) pada tarikh tutup permohonan 							
i.	Pengesahan Maklumat Jawatan	<ul style="list-style-type: none"> - Berkhidmat secara TETAP - TELAH DISAHKAN dalam skim perkhidmatan terkini pada tarikh tutup permohonan 							
j.	Purata Markah PBPPP	<ul style="list-style-type: none"> - 85% dan ke atas bagi tempoh genap 3 tahun berturut-turut (2021, 2022, 2023) dalam skim perkhidmatan terkini - Genap 12 bulan - Jika masih belum menerima markah 2023, boleh mengemukakan markah 2020, 2021, 2022 - Jika PPP pernah diluluskan Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM dalam tempoh tersebut, sila kemukakan PBPPP tahun sebelum/ selepas tempoh Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM 							
k.	Status Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> - Bebas daripada sebarang penyakit kronik seperti di LAMPIRAN A - KPM berhak membatalkan/ menarik balik tawaran HLP/ CBBP TB/ HLPS sekiranya mendapati calon mengalami masalah kesihatan 							
l.	Syarat Kelayakan Akademik	<ul style="list-style-type: none"> - Berdasarkan program dan peringkat pengajian seperti di LAMPIRAN B 							

KETERANGAN		PROGRAM PENAJAAN/ CUTI BELAJAR							
		HLP/CBBP DB		SPADA	CBBP TB		HLPS		
Peringkat Pengajian		Sarjana	Kedoktoran Falsafah (PhD)	Kedoktoran Pendidikan (EdD)	Sarjana	Sarjana	Kedoktoran Falsafah (PhD)	Sarjana	Kedoktoran Falsafah (PhD)
m.	Sokongan dan Perakuan Ketua Jabatan	-	Disokong dan diperaku oleh Ketua Jabatan						
n.	Pemilikan Ijazah Lanjutan	-	Belum memiliki kelayakan ijazah lanjutan pada peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan - Jika calon didapati sedang atau telah mempunyai kelayakan ijazah lanjutan, KPM berhak membatalkan atau menarik balik tawaran/ kelulusan tanpa sebarang notis						
o.	Tindakan Tatatertib	-	Bersih daripada pertuduhan/ tindakan tatatertib dan bebas daripada kes mahkamah						
p.	Pengisyiharan Harta	-	Telah mengisyiharkan harta melalui sistem HRMIS (sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 5 tahun)						
q.	Senarai Hitam	-	Tidak tersenarai dalam senarai hitam KPM, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) atau badan-badan peminjam kerajaan yang lain						
r.	Pemilihan Bidang Pengajian/ Kursus	-	Diwajibkan memilih bidang pengajian/ pengkhususan yang ditawarkan sahaja, namun senarai universiti yang dinyatakan bagi setiap bidang pengajian/ pengkhususan hanyalah sebagai rujukan sahaja . Calon boleh memilih universiti selain daripada yang dinyatakan dalam senarai dengan syarat bidang pengajian/ pengkhususan yang ditetapkan oleh KPM turut ditawarkan di universiti pilihan tersebut - Rujuk Senarai Bidang Pengajian HLP, CBBP TB dan HLPS Tahun 2024						
s.	Kertas Cadangan dan Slaid Pembentangan	-	Perlu disediakan dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris dan dibawa semasa sesi temu duga (sekiranya terpilih)						

KETERANGAN		PROGRAM PENAJAAN/ CUTI BELAJAR							
		HLP/ CBBP DB			SPADA	CBBP TB		HLPS	
Peringkat Pengajian		Sarjana	Kedoktoran Falsafah (PhD)	Kedoktoran Pendidikan (EdD)	Sarjana	Sarjana	Kedoktoran Falsafah (PhD)	Sarjana	Kedoktoran Falsafah (PhD)
t.	Tempat Pengajian	Dalam negara	Dalam/ Luar negara		Dalam negara	Dalam negara		Dalam negara	
u.	Struktur/Mod Pengajian	Campuran/ Penyelidikan/ Kerja Kursus	Penyelidikan	Campuran/ Kerja Kursus	Kerja Kursus	Campuran/ Penyelidikan/ Kerja Kursus	Penyelidikan	Campuran/ Penyelidikan/ Kerja Kursus	Penyelidikan
v.	Kemudahan Cuti Belajar	LAYAK mendapat kemudahan cuti belajar						TIDAK LAYAK mendapat cuti belajar	
w.	Tempoh Cuti Belajar/Penajaan	<ul style="list-style-type: none"> - Tertakluk kepada mod dan tempoh pengajian yang ditetapkan oleh universiti/kelayakan yang bersesuaian - Sarjana: 4 semester - Kedoktoran (PhD/ EdD): 6 atau 7 semester 						Minimum: 3 semester Maksimum: 6 semester	Minimum: 3 semester Maksimum: 10 semester
x.	Sesi Akademik	<ul style="list-style-type: none"> - Kemasukan ke universiti adalah untuk pengajian sesi 2024 atau mana-mana sesi kemasukan yang ditetapkan oleh kementerian 							
y.	Syarat Genap Tempoh Tamat Kursus Jangka Panjang/ Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> - Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/ sederhana yang terdahulu (dengan kemudahan Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM) dengan jayanya seperti di LAMPIRAN C 							
z.	Pegawai Yang Tidak Layak Memohon	<ul style="list-style-type: none"> - Pegawai yang sedang dalam Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM atau mana-mana penaja lain; - Pegawai yang masih belum genap tempoh tamat kursus jangka panjang/ sederhana; atau - Pegawai yang disenarai hitamkan oleh KPM, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) atau badan-badan peminjam kerajaan yang lain. 							

5. SYARAT-SYARAT LAIN

Bil.	Perkara	Penerangan
a.	Permohonan Ke Luar Negara	<p>(i) Tawaran ini hanya terbuka kepada Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) peringkat pengajian Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD) dan Ijazah Kedoktoran Pendidikan (EdD) sahaja.</p> <p>(ii) Pemilihan universiti adalah seperti yang berikut:</p> <p>(a) Senarai <i>Type A</i> dan <i>Type B</i> dalam Top Global Universities (The Top Global University Project) bagi pengajian di Jepun;</p> <p>(b) Senarai kedudukan 100 teratas secara keseluruhan atau 10 teratas mengikut bidang dalam The Times Higher Education (THE) World University Rankings; atau</p> <p>(c) Senarai kedudukan 100 teratas secara keseluruhan atau 10 teratas mengikut bidang dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings.</p> <p>(iii) Telah memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh universiti termasuk syarat kelulusan bahasa Inggeris dan/ atau bahasa lain mengikut keperluan universiti. Sebarang kos peperiksaan tidak akan ditanggung oleh KPM.</p> <p>(iv) Calon berjaya perlu memastikan segala syarat universiti dipenuhi dan semua persediaan dibuat sebelum berangkat ke luar negara.</p> <p>(v) Sekiranya PPP gagal memenuhi syarat yang ditetapkan, maka tawaran/ kelulusan ini adalah terbatal secara automatik.</p>

Bil.	Perkara	Penerangan
b.	Permohonan Ijazah Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) [SPADA]	<p>(i) Program SPADA bertujuan melahirkan guru terlatih dan berkepakaran dalam menangani masalah dalam kalangan pelajar terutamanya melibatkan penyalahgunaan dadah di sekolah. Fokus pengajian program ini adalah untuk memberi penekanan kepada elemen pencegahan dadah.</p> <p>(ii) PPP hendaklah memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Kaunseling/Bimbingan dan Kaunseling; (b) Psikologi; (c) Pendidikan Islam; (d) Pendidikan Sivik; (e) Pendidikan Moral; atau (f) Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. <p>atau</p> <p>Guru yang memegang jawatan sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling lantikan dalaman dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun.</p> <p>atau</p> <p>Guru yang memegang jawatan sebagai Ketua Guru Disiplin dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun.</p> <p>(iii) PPP perlu bersedia ditempatkan semula di mana-mana bahagian/ jabatan/ institusi di bawah KPM setelah tamat pengajian mengikut keperluan KPM.</p>

SOALAN LAZIM (FAQ)

1. PERMOHONAN

- i. Siapakah yang layak memohon Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM ini?

Jawapan:

Semua PPP lantikan SPP yang ketua perkhidmatannya adalah Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) dan telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

- ii. Bagaimanakah cara terbaik untuk saya memilih bidang pengajian yang ingin diikuti?

Jawapan:

Anda perlu memastikan bidang yang dimohon adalah berkaitan dengan kelayakan akademik yang telah dimiliki, kesesuaian opsyen atau pengalaman perkhidmatan serta perancangan peningkatan kerjaya pada masa akan datang. Anda perlu membuat persediaan dari segi pengetahuan dan mempunyai minat yang tinggi dalam bidang yang dipilih.

- iii. Adakah terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi semasa saya membuat pemilihan bidang di universiti?

Jawapan:

Ya. Anda perlu memastikan perkara berikut dilaksanakan:

(a) Bidang yang ditawarkan di universiti adalah sama dengan bidang yang ditawarkan oleh KPM; dan

(b) Struktur/ Mod mengikut peringkat pengajian adalah seperti yang berikut:

➤ Ijazah Sarjana:

- Mod Campuran (Kerja dengan Disertasi/ Tesis); atau
- Mod Penyelidikan; atau
- Mod Kerja Kursus.

➤ Ijazah Kedoktoran Falsafah (PhD):

- Mod Penyelidikan.

➤ Ijazah Kedoktoran Pendidikan (EdD):

- Mod Campuran; atau
- Mod Kerja Kursus.

iv. Apakah persediaan awal yang boleh saya lakukan sekiranya saya benar-benar berminat untuk menyambung pengajian pada tahun 2024 dan ingin membuat permohonan?

Jawapan:

Anda perlu membuat persediaan dan perancangan awal, iaitu:

- (a) mengenal pasti universiti yang menawarkan bidang pengajian yang ingin dimohon. Sekiranya anda memohon **HLPS**, anda digalakkan untuk **memilih universiti yang berdekatan dengan tempat bertugas**;
- (b) mengenal pasti pensyarah yang berkelayakan serta berkepakaran untuk dilantik sebagai penyelia; dan
- (c) membuat pembacaan awal berkenaan bidang pengajian yang ingin diikuti.

v. Apakah yang akan berlaku setelah permohonan saya berjaya dihantar?

Jawapan:

Anda perlu:

- (a) menyimpan maklumat permohonan secara cetakan atau simpanan *soft copy* sebagai rekod sendiri;
- (b) memaklumkan kepada Ketua Jabatan berkenaan permohonan HLP/ CBBP TB/ HLPS; dan
- (c) merujuk portal rasmi KPM bagi sebarang pemakluman terkini dari semasa ke semasa.

2. TEMU DUGA

i. Apakah persediaan yang perlu saya lakukan sekiranya berjaya dipanggil temu duga?

Jawapan:

Anda perlu membuat persediaan seperti yang berikut:

- (a) Membuat persediaan yang baik merangkumi aspek mental dan fizikal;
- (b) Menyediakan kertas cadangan penyelidikan yang **berkualiti dan asli**;
- (c) Memiliki kefahaman dan minat dalam bidang yang dimohon;

- (d) Menunjukkan minat, bakat dan potensi terhadap bidang pengajian yang dimohon melalui cara penyampaian yang cemerlang semasa temu duga; dan
- (e) Digalakkan untuk membuat permohonan kemasukan ke universiti di dalam/ luar negara berdasarkan bidang yang dimohon bagi mengelakkan kegagalan mendapat tempat untuk kemasukan sesi September/ Oktober 2024 sekiranya berjaya ditawarkan Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM kelak.
- ii. Apakah yang perlu saya bawa ketika hadir ke sesi temu duga?
- Jawapan:**
Anda perlu membawa senarai dokumen dan alatan seperti yang dinyatakan dalam surat panggilan temu duga.
- Sebagai persediaan awal, anda perlu memastikan dokumen asal adalah dalam simpanan masing-masing bagi memudahkan urusan sekiranya berjaya dipanggil temu duga seperti yang berikut:
- (a) Kad Pengenalan;
 - (b) Surat asal tawaran pelantikan DG41/ DG42;
 - (c) Surat asal pengesahan pelantikan DG41/ DG42;
 - (d) Surat asal pengesahan dalam perkhidmatan DG41/ DG42;
 - (e) Sijil asal ijazah sarjana muda dan sijil asal ikhtisas (DPLI/ KPLI/ Sijil Perguruan/ Diploma Perguruan) atau Sijil asal ijazah sarjana muda perguruan/ pendidikan;
 - (f) Sijil asal ijazah sarjana; dan
 - (g) Pengesahan Markah PBPPP yang disahkan oleh Ketua Jabatan/ Pengetua/ Guru Besar
- iii. Selepas temu duga, apakah yang akan berlaku setelah saya berjaya ditawarkan Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM?

- Jawapan:**
- (a) Sekiranya anda lulus temu duga:
- anda akan menerima surat tawaran bersyarat;
 - anda **wajib** menghadiri Kursus Persediaan Pengajian bagi suatu tempoh yang akan ditentukan oleh pihak KPM; dan
 - **lulus** ujian yang diadakan.
- (b) Kegagalan anda untuk menghadiri Kursus Persediaan Pengajian tersebut boleh mengakibatkan penawaran terbatal.

3. TAWARAN

- i. Adakah saya akan terikat dengan kontrak atau apa-apa perjanjian bagi Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM yang diterima?

Jawapan:

Ya. Sekiranya anda menerima kemudahan Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM, anda adalah terikat dengan kontrak perkhidmatan dan tertakluk kepada terma-terma yang terkandung dalam perjanjian. Anda perlu bertanggungjawab terhadap pengajian yang diikuti dan **wajib** menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

- ii. Apakah yang akan berlaku kepada perkhidmatan saya sepanjang tempoh cuti belajar yang diluluskan?

Jawapan:

Sepanjang tempoh cuti belajar yang diluluskan, anda akan mengisi Jawatan Latihan, BTP, KPM dan BTP merupakan Ketua Jabatan baharu yang berperanan untuk menguruskan hal-hal perkhidmatan anda seperti yang berikut:

- Kenaikan pangkat – akan dipertimbangkan sekiranya telah memenuhi syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- Faedah persaraan – tempoh cuti belajar layak diambil kira bagi tujuan pengiraan.

- iii. Apakah yang perlu saya lakukan setelah tamat tempoh cuti belajar yang diluluskan?

Jawapan:

Anda akan kembali berkhidmat setelah tamat tempoh cuti belajar sekali gus perlu memanfaatkan sepenuhnya ilmu dan kepakaran yang dimiliki untuk kemajuan diri dan organisasi (pulangan ke atas pelaburan).

Setelah melapor diri, anda akan ditempatkan dalam ekosistem pendidikan mengikut keperluan semasa KPM serta bersesuaian dengan bidang kepakaran dan kekosongan tempat bagi membolehkan KPM melaksanakan perancangan pembangunan sumber manusia secara berkesan.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN TAJAAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

DISEMBER 2023

LAMPIRAN A

SENARAI JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

1. Kanser;
2. Serangan jantung;
3. *Pulmonary Hypertension*;
4. Sakit buah pinggang yang kronik;
5. Sakit hati (liver) yang kronik;
6. *Fullminant Viral Hepatitis*;
7. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
8. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
9. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
10. Pemindahan organ utama;
11. Penyakit Parkinson;
12. Penyakit *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) dan *Acquired Immunodeficiency Syndrome* (AIDS);
13. Pemindahan kaki dan/ atau tangan;
14. Skizofernia;
15. Kecederaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh pakar perubatan Kerajaan dan/ atau Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
16. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh Pakar Perubatan Kerajaan dan/ atau Pakar Perubatan yang diperakukan oleh penaja.

LAMPIRAN B

SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

HLP/ SPADA/ CBBP TB/ HLPS

Peringkat Pengajian	Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) atau setaraf	Tempoh Minimum Pengalaman Bekerja sehingga Januari 2024
Sarjana	2.00 – 2.49	10 tahun
	2.50 – 2.99	5 tahun
	3.00 dan ke atas	3 tahun
Kedoktoran Falsafah (PhD)/ Kedoktoran Pendidikan (EdD)	Lulus Peringkat Sarjana	3 tahun

LAMPIRAN C

SYARAT GENAP TEMPOH TAMAT KURSUS JANGKA PANJANG/ SEDERHANA (TEMPOH BERTENANG)

Pegawai yang telah diluluskan Program Penajaan/ Cuti Belajar KPM sebelum ini boleh dipertimbangkan untuk mengikuti kursus jangka panjang atau sederhana yang berikutnya setelah memenuhi syarat-syarat yang berikut:

Tempoh Kursus/ Program Penajaan/ Cuti Belajar	Tempoh Layak Memohon
Lebih daripada 12 bulan	Boleh memohon selepas genap dua tahun tamat kursus yang terdahulu
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	Boleh memohon selepas genap satu tahun tamat kursus yang terdahulu